

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD**  
**SOALAN : NO. 191**

**Tuan Khalid Bin Abd Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI Pendidikan Tinggi** menyatakan statistik peratusan keterlibatan mahasiswa dalam pilihan raya kampus mengikut tahun 2009 hingga 2017.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), peratusan *trend* penglibatan mahasiswa di dalam pilihanraya kampus adalah di antara 42 hingga 72 peratus dari tahun 2009 hingga 2017, dengan purata 65 peratus mahasiswa keluar mengundi bagi keseluruhan 20 Universiti Awam sepanjang tempoh tersebut. Berdasarkan peratusan mahasiswa yang turun mengundi setiap tahun, jelas menunjukkan bahawa mahasiswa masih menyokong dan menerima amalan demokrasi di negara ini